

**Pemenang Anugerah Sains Mahathir 2011 Diumumkan Pada 27 Sept  
Bernama  
19 September, 2011**

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Jawatankuasa Pemilih bagi Anugerah Sains Mahathir 2011 telah menyenarai pendek dua saintis terbaik daripada 19 pencalonan yang diterima dari seluruh dunia.

Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia (ASM), Datuk Dr Samsudin Tugiman berkata berkata pihaknya menerima 19 pencalonan yang merupakan jumlah tertinggi sejak anugerah itu diperkenalkan pada 2004.

"Pemenang akan diumumkan pada 27 Sept ini dan akan menerima hadiah wang tunai RM100,000. Pemenang dipilih menerusi undian oleh kira-kira 200 Felo ASM berdasarkan penilaian yang dibuat oleh panel pakar termasuk pemenang Hadiah Nobel," katanya.

Anugerah yang dulunya dikenali sebagai Anugerah Kecemerlangan Saintifik ASM merupakan penghargaan kepada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang bertujuan mengiktiraf sumbangan dan inovasi saintis ke arah menyelesaikan masalah di kawasan tropika menerusi sains dan teknologi.

"Tiap-tiap tahun kita akan menerima beberapa pencalonan daripada beberapa orang saintis yang unggul di seluruh dunia termasuk Malaysia dan jawatankuasa pemilih akan membuat penyenaraian pendek dan lepas itu kita rujuk kepada pakar di luar negara," katanya.

Pencalonan mengambil kira empat bidang utama iaitu perubatan tropika, pertanian tropika, kejuruteraan dan seni bina tropika serta sumber asli tropika.

Dr Samsudin berkata hasil kajian para saintis atau organisasi dan institusi itu juga diharap menjadi landasan kepada program penyelidikan dan pembangunan lanjutan.

Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) memenangi anugerah ini pada 2009 menerusi kajian dan penyelidikan penghasilan perabot daripada kayu getah.

--BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=614280>